



JKM sedang mengesan waris kepada Wafi selepas kedua ibu bapanya yang merupakan warganegara Thailand meninggal dunia.

JKM kesan waris kanak-kanak lelaki

SHAH ALAM: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengesan waris seorang kanak-kanak lelaki yang kematian ibu kandung-nya sejak September tahun lalu.

Kanak-kanak berusia 11 tahun dikenali sebagai Wafi itu tidak mempunyai sebarang dokumen kelahiran atau pengenalan diri.

JKM Daerah Petaling dalam satu makluman kepada *Utusan Malaysia* berkata, Wafi sebelum ini berada dalam jagaan sementara penjaga yang tidak dinyatakan lokasi tempat tinggalnya.

“Ibu kandung-nya iaitu Saidah Madeeyoh yang juga warga Thailand menetap di rumah penjaga itu namun meninggal dunia pada 14 September lalu.

“Bapa kandung Wafi dikenali sebagai Sidek yang juga warganegara sama meninggal dunia ketika kanak-kanak itu berusia lima tahun,” katanya.

Jelas beliau, kanak-kanak itu pernah menetap di Rantau Panjang, Kelantan bersama arwah ibunya yang bekerja sebagai pembantu kedai makan.

“Wafi kemudian dijaga penjaganya tanpa sebarang dokumen kelahiran atau pengenalan diri,” ujarnya.

Sehubungan itu, JKM sedang mengesan ahli keluarga atau waris yang mengenali kanak-kanak berkenaan bagi urusan lanjut.

